

**PENGURUSAN INSTITUSI TAHFIZ PERSENDIRIAN
DI NEGERI SELANGOR**

Abd Rahman Abd Ghani
Mohd Khafidz Soroni
Noorhafizah Mohd Haridi
Zainora Daud

Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Azmil Hashim
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Wan Sabariah Wan Yusoff
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRACT

Tahfiz education of al-Quran advance rapidly in Malaysia due to society request and awareness of the society regarding importance to read or study Holh al-Quran. Also development tahfiz institute in Selangor spread widely without total observation of the outhority. Approximately 150 private tahfiz institute that were formed in state of Selangor. While only 107 private tahfiz institute registered with Institute Tahfiz Al-Quran Selangor. While only 24 registered with JAIS. Majority of these tahfiz institute approach, objective direction and also different management system and coordination with the authority. Therefore research in the institute tahfiz problem is a really need to identify problem and to get suggestion to resolve the problem. The research need in order to ensure the problem can be identify and resolved also forward to the authority to resolve the problem. This research that are using qualitative methodology by means of interview is the best instrument. Research instrument involve nine of principals or manager represent nine school in 9 district. We choosen with random sampling.

PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran merupakan pendidikan Islam yang pertama di dalam sejarah Islam. Menurut al-Suyuti (1987) menghafaz al-Quran bertujuan untuk menjaga terputusnya jumlah mutawatir golongan yang menghafaz al-Quran dan mengelak daripada usaha-usaha menyelewengkan al-Quran. Abu Najihat (2002) menambah bahawa kepentingan menghafaz al-Quran supaya al-Quran sampai kepada generasi yang seterusnya dengan diriwayatkan oleh sebilangan huffaz yang ramai dan mereka mempunyai sifat-sifat yang amanah sehingga tidak akan berlaku sebarang pendustaan dan pemalsuan terhadap al-Quran. Oleh itu, al-Nawawi (1987) turut menegaskan bahawa hukum menghafaz al-Quran adalah fardhu kifayah kerana amalan tersebut telah menyempurnakan keperluan masyarakat dan menggugurkan kewajipan menghafaz terhadap masyarakat Islam lain.

1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan tahfiz al-Quran berkembang begitu pesat di dalam negara di sebabkan permintaan masyarakat dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menghafaz al-Quran. Perkembangan tersebut juga berlaku di negeri Selangor dengan kewujudan institusi-institusi yang begitu banyak sehingga tidak dapat dipantau sepenuhnya oleh pihak yang berwajib, khususnya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Dianggarkan sebanyak 150 institusi tahfiz persendirian telah ditubuhkan di negeri Selangor, dan dari jumlah tersebut hanya 24 buah sahaja yang berdaftar di bawah JAIS dan 107 buah yang telah berdaftar dengan Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Selangor (PITAS).

Kajian ini melibatkan sembilan buah daerah di negeri Selangor iaitu Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang, Klang, Petaling dan Gombak. Sebanyak tiga buah institusi tahfiz persendirian telah dipilih secara rawak bagi

mewakili sebuah daerah, bagi menjadikan jumlah institusi yang dikaji adalah sebanyak 27 buah keseluruhannya. Latarbelakang responden yang dipilih bagi setiap institusi ialah seorang mudir, lima orang guru dan lima belas orang pelajar yang mewakili institusi tersebut.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mengenalpasti cara pengurusan institusi tahfiz di Negeri Selangor. Bagi mencapai tujuan ini, terdapat beberapa objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

1. Menenalpasti jenis-jenis institusi tahfiz Negeri Selangor
2. Menilai latarbelakang guru-guru dan pelajar-pelajar tahfiz Negeri Selangor.
3. Menenalpasti bentuk pensijilan dan pengiktirafan.
4. Menenalpasti prasarana dan kemudahan infrastruktur.
5. Mencadangkan langkah-langkah atau polisi yang boleh meningkatkan mutu pengurusan di institusi tahfiz Negeri Selangor.

3. PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian yang akan dijalankan;

- a) Apakah jenis-jenis institusi tahfiz yang terdapat dalam Negeri Selangor?
- b) Sejauhmanakah latarbelakang guru-guru yang dilantik mampu melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan?
- c) Adakah sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Institusi-Institusi Tahfiz Negeri Selangor diiktiraf untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?

- d) Adakah prasarana dan kemudahan infrastruktur di Institusi-
Institusi Tahfiz Negeri Selangor mencukupi atau tidak?

4. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini ditumpukan untuk melihat sejauh mana kemampuan institusi-institusi tahfiz persendirian di Negeri Selangor ini mampu meneruskan pentadbiran mereka dengan baik, dari sudut menyediakan guru-guru yang berkecukupan, prasarana dan kemudahan infrastruktur yang mencukupi, juga sijil-sijil yang diiktiraf. Dapatan kajian akan digunakan untuk memperbaiki kelemahan dan memantapkan lagi kelebihan yang telah wujud.

5. BATASAN KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada institusi tahfiz persendirian yang terdapat di Negeri Selangor. Ia melibatkan beberapa orang responden pelajar, guru dan pengetua (mudir) / pengurus tahfiz. Fokus kajian ini tertumpu kepada pengurusan dari sudut pentadbiran sahaja.

Untuk tujuan pengumpulan data beberapa set soal selidik akan digubal mengikut kategori responden mengenai pengurusan dan kemudahan infrastruktur yang terdapat di institusi tahfiz berkenaan. Disamping itu juga, beberapa set borang pemerhatian / tinjauan dan temubual juga turut digubal dari sudut prospek pengurusan pentadbiran dan kemudahan infrastruktur.

6. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat kualitatif dan kuantitatif. Soal selidik akan bertindak sebagai instrumen utama bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi. Rekabentuk ini bertujuan memperolehi maklumat umum melalui

kutipan yang menyeluruh dari suatu populasi. Beberapa langkah terlibat dalam kajian bagi mendapatkan data yang diperlukan adalah seperti berikut

6.1 Instrumen Kajian

Instrumen yang akan dibina dan digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini merangkumi 3 instrumen utama iaitu soal selidik, pemerhatian dan temubual.

6.1.1 Soal Selidik

Kajian ini menggunakan tiga jenis soal selidik iaitu soal selidik untuk murid atau pengurus, soal selidik untuk guru dan soal selidik untuk pelajar.

i) Soal Selidik Murid / Pengurus

Soal selidik murid atau pengurus terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian I merupakan profil demografi mengenai institusi manakala bahagian II merupakan kemudahan infrastruktur yang disediakan di institusi berkenaan. Bahagian I mengandungi 9 soalan yang memerlukan responden menandakan (/) pada bahagian yang sesuai.

Bahagian II terbahagi kepada 4 bahagian utama yang mana bahagian A merangkumi kemudahan infrastruktur di institusi yang mempunyai 10 soalan dan bahagian B merangkumi kemudahan infrastruktur di asrama yang mempunyai 5 soalan. Untuk bahagian A dan B, ia perlu dijawab samada ada atau tiada kemudahan yang dinyatakan di sediakan di institusi berkenaan. Manakala untuk bahagian C dan D pula, responden kajian perlu menjawab mengikut persepsi mereka berdasarkan lima tahap skala Likert seperti berikut:

- 1 sangat tidak memuaskan
- 2 tidak memuaskan
- 3 kurang memuaskan
- 4 memuaskan
- 5 sangat memuaskan

Jika kemudahan infrastruktur yang dinyatakan di bahagian A ada di institusi berkenaan responden perlu menjawab bahagian C manakala jika terdapat kemudahan infrastruktur yang dinyatakan dalam bahagian B, responden perlu menjawab bahagian D.

- ii) Soal Selidik Guru
Soal selidik guru distrukturkan kepada 3 bahagian. Bahagian I mengenai lokasi institusi, bahagian II merupakan profil demografi guru dan bahagian III terdiri daripada kemudahan infrastruktur yang disediakan di institusi dan asrama seperti yang dinyatakan dalam bahagian II soal selidik mudir atau pengurus.
- iii) Soal Selidik Pelajar
Soal selidik pelajar dibahagikan kepada 3 bahagian utama. Bahagian I mengenai lokasi institusi, bahagian II merupakan demografi pelajar dan bahagian III berkenaan dengan kemudahan infrastruktur yang disediakan di institusi dan asrama seperti yang dinyatakan dalam bahagian II soal selidik mudir. Adalah dijangkakan responden hanya mengambil masa 20-30 minit untuk menjawab borang soal selidik yang diberikan.

6.1.2 Pemerhatian

Senarai semak pemerhatian tertumpu kepada kemudahan infrastruktur di institusi berkenaan seperti yang terkandung dalam bahagian II soal selidik mudir/ pengurus.

6.1.3 Temubual

Satu set protokol temubual dengan mudir atau pengurus institusi yang terlibat di bina bertujuan untuk mengenal pasti dan mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh institusi berkenaan serta mendapatkan cadangan untuk mengatasi masalah tersebut. Adalah dijangkakan proses temubual ini akan mengambil masa 50 – 60 minit.

Temubual ini diadakan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh institusi tahfiz berkenaan termasuklah mengenai kemudahan infrastruktur, pengiktirafan kerajaan dan masalah kewangan.

6.2 Kaedah Persampelan

Untuk tujuan persampelan Gall, Gall & Borg (2005) menegaskan bahawa tidak semestinya semua ahli dalam populasi digunakan sekiranya daripada sampel sudah dapat memberi gambaran untuk memahami sesuatu masalah dan fenomena yang berlaku dalam populasi terbabit. Manakala Othman (2001) menjelaskan bahawa dalam menentukan saiz sampel, perkara penting ialah sampel boleh mewakili dengan baik populasi yang dikaji dan rekabentuk kajian yang dipilih.

Untuk instrumen soal selidik, kajian ini melibatkan responden yang terdiri dari 27 mudir/ pengurus, 86 tenaga pengajar dan 400 pelajar. Manakala untuk instrumen temubual, kajian ini melibatkan 9 mudir atau pengurus tahfiz.

Bagi tujuan instrumen soal selidik, penyelidik akan memilih secara rawak seorang pengurus / mudir institusi, lima orang guru dan lima belas orang pelajar bagi setiap institusi tahfiz persendirian yang akan dijalankan di negeri Selangor. Manakala untuk instrumen temubual, penyelidik akan memilih seorang mudir dari setiap daerah.

Penyelidik akan membahagikan kajian ini mengikut daerah yang ada di negeri Selangor iaitu daerah Kuala Selangor, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Petaling, Klang, Gombak, Sepang, Kuala Langat dan

Hulu Langat. Setiap daerah akan melibatkan sebanyak 3 buah institusi yang akan dipilih secara rawak dan menjadikan jumlah keseluruhan 27 buah institusi tahfiz untuk tujuan kajian ini.

6.3 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan pada bulan September 2010. Sampel kajian rintis telah diuji ke atas empat buah institusi tahfiz yang melibatkan empat buah daerah yang dipilih secara rawak iaitu daerah Petaling, Klang, Kuala Selangor dan Kuala Langat. Setiap daerah mewakili sebuah institusi. Responden yang dipilih dalam kajian rintis mempunyai ciri-ciri yang sama untuk kajian sebenar bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. 56 orang pelajar dan 15 orang guru telah terlibat sebagai responden dalam kajian rintis ini. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah bagi menguji kebolehpercayaan instrumen soal selidik.

6.3.1 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan instrumen adalah satu ukuran yang menunjukkan sejauh mana skor individu atau responden mempunyai skor sebenar yang mencerminkan sifat atau pernyataan yang diukur dengan nilai alpha antara 0.00 hingga 1.00 (Gall, Gall & Borg, 2005). Kebolehpercayaan merujuk kepada kestabilan dan ketekalan instrumen dalam mengukur sesuatu konsep (Sakaran, 1992). Menurut Sakaran (1992), semakin hampir nilai Cornbach alpha kepada 1.0 maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaannya.

Kajian yang telah dijalankan telah diuji dengan menggunakan nilai *Alpha Cronbach*. Menurut Mohd Majid (2005) nilai *Alpha Cronbach* bagi kajian sains sosial ialah 0.6 ke atas. Dalam kajian ini, nilai *Alpha Cronbach* bagi instrumen pelajar ialah 0.786 manakala bagi instrumen guru pula nilai pekali *Alpha Cronbach* ialah 0.755. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa instrumen yang dibina adalah sah dan boleh dipercayai seterusnya boleh digunakan untuk kajian seterusnya.

Jadual 1 menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* untuk setiap konstruk instrumen soal selidik pelajar dan guru.

Jadual 1 : Nilai Alpha Cronbach Bagi Setiap Konstruk Pelajar Dan Guru

| Konstruk | Bil. Item | Nilai <i>Alpha Cronbach</i> (α) | |
|--------------------------------------|-----------|--|--------------|
| | | Pelajar | Guru |
| Kemudahan infrastruktur di institusi | 10 | 0.890 | 0.755 |
| Kemudahan infrastruktur di asrama | 5 | 0.776 | |
| Total | | 0.786 | 0.755 |

6.4 Tatacara Pengumpulan Dan Penganalisaan Data

Penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pihak institusi tahfiz berkenaan dengan menghantar surat kebenaran dan juga melalui perbualan telefon untuk menjalankan kajian di tempat mereka. Penyelidik akan menjalankan kajian setelah mendapat persetujuan daripada pihak mudir ataupun pengurus institusi tahfiz berkenaan. Bagi mentadbir instrumen soal selidik penyelidik datang sendiri ke institusi tahfiz berkenaan dan bersemuka dengan responden.

Dua bentuk data diperolehi dari tiga instrumen. Data kuantitatif diperolehi daripada soalselidik mudir/ pengurus, guru dan pelajar manakala data kualitatif diperolehi daripada temubual dan pemerhatian.

Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) version 14.0. Manakala data-data pemerhatian dan temubual dianalisis dan ditranskripikan supaya penyelidik mudah mengenalpasti permasalahan kajian. Instrument soalselidik dan pemerhatian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus, kekerapan dan min, terutama yang berkaitan dengan kemudahan infrastruktur. Dalam kajian ini analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis soal selidik. Bagi

menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam *jadual 2*.

Jadual 2 : Interpretasi Skor Min

| Skor Min | Interpretasi Skor Min |
|------------------|------------------------------|
| 1.00 hingga 2.00 | Rendah |
| 2.01 hingga 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 hingga 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 hingga 5.00 | Tinggi |

Sumber : Stufflebeam (1971)

7. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

7.1 Demografi Guru

Bahagian ini membincangkan dan menghuraikan mengenai demografi guru bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai latar belakang guru. Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 86 orang guru.

Jadual 3 menunjukkan responden kajian mengikut klasifikasi umur. Kebanyakan guru-guru yang mengajar di institusi tahfiz persendirian di Selangor adalah yang berumur 21 tahun ke atas. Majoriti guru yang terlibat adalah mereka yang berumur 26 hingga 30 tahun yang melibatkan seramai 28 orang (32.9%) daripada 85 orang guru. Sementara bilangan guru yang berumur 20 tahun ke bawah membawa nilai yang paling sedikit iaitu seramai 8 orang (9.4%). Selebihnya adalah mereka yang berumur 21 hingga 25 tahun iaitu seramai 23 orang (27.1%), guru yang berumur 31 hingga 35 tahun melibatkan seramai 12 orang (14.1%) sementara guru yang berumur lebih daripada 36 tahun seramai 14 orang (16.5%).

Jadual 3 : Bilangan Guru Mengikut Umur

| Umur | Bilangan | Peratus |
|----------------|-----------------|----------------|
| Bawah 20 tahun | 8 | 9.4 |
| 21 - 25 tahun | 23 | 27.1 |
| 26 - 30 tahun | 28 | 32.9 |
| 31 - 35 tahun | 12 | 14.1 |
| Lebih 36 tahun | 14 | 16.5 |
| Total | 85 | 100.0 |

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut taraf pendidikan. Dari 86 orang responden guru, didapati seramai 22 orang (25.6%) tidak memiliki sijil rasmi manakala guru yang memiliki sijil rasmi dengan pelbagai kategorinya, iaitu peringkat sijil tahfiz, diploma tahfiz, sarjana muda tahfiz dan juga sarjana tahfiz seramai 44 orang (74.4%).

Kajian mendapati bahawa majoriti guru yang terlibat dalam kajian ini memiliki sijil tahfiz iaitu seramai 41 orang (47.6%). Diikuti oleh guru yang memiliki diploma seramai 12 orang (14%). Diikuti mereka yang memiliki sarjana muda tahfiz seramai 4 orang (4.7%). Selebihnya 3 orang guru (3.5%) memiliki tahap pendidikan yang paling tinggi dalam kajian ini iaitu sarjana tahfiz.

Jadual 4 : Bilangan Guru Mengikut Taraf Pendidikan Tahfiz

| Taraf Pendidikan | Bilangan | Peratus |
|---------------------------------|-----------------|----------------|
| Tiada sijil | 22 | 25.6 |
| Sijil tahfiz dalam negeri | 31 | 36.0 |
| Sijil tahfiz luar negeri | 10 | 11.6 |
| Diploma tahfiz dalam negeri | 8 | 9.3 |
| Diploma tahfiz luar negeri | 4 | 4.7 |
| Diploma pendidikan dalam negeri | 3 | 3.5 |
| Diploma pendidikan luar negeri | 1 | 1.2 |
| Sarjana muda tahfiz luar negeri | 4 | 4.7 |
| Sarjana tahfiz dalam negeri | 1 | 1.2 |
| Sarjana tahfiz luar negeri | 2 | 2.3 |
| Total | 86 | 100.0 |

Taburan responden mengikut negeri asal ditunjukkan dalam *jadual 5*. Secara keseluruhannya majoriti responden berasal dari luar Selangor yang melibatkan lebih separuh daripada jumlah keseluruhan responden iaitu melibatkan 56 orang (65.9%), atau secara terperinci seramai 43 orang (50.6%) guru dalam negara dan bakinya seramai 13 orang guru (15.3%) guru dari luar negara. Selebihnya 29 orang (34.1%) adalah dari Selangor.

Jadual 5 : Bilangan Guru Mengikut Negeri Asal

| Negeri Asal | Bilangan | Peratus |
|--------------------|-----------------|----------------|
| Selangor | 29 | 34.1 |
| Luar Selangor | 43 | 50.6 |
| Luar Negara | 13 | 15.3 |
| Total | 85 | 100.0 |

Taburan responden mengikut status jawatan ditunjukkan dalam *jadual 6*. Guru yang berstatus tetap merupakan bilangan yang paling ramai iaitu seramai 65 orang (76.5%) daripada jumlah keseluruhan 85 responden. Sementara guru yang berstatus kontrak adalah seramai 14 orang (16.4%) selebihnya yang merupakan bilangan yang paling sedikit adalah berstatus sambilan melibatkan 6 orang (7.1%) guru.

Jadual 6 : Bilangan Guru Mengikut Status Jawatan

| Status Jawatan | Bilangan | Peratus |
|-----------------------|-----------------|----------------|
| Tetap | 65 | 76.5 |
| Kontrak | 14 | 16.5 |
| Sambilan | 6 | 7.1 |
| Total | 85 | 100.0 |

Berdasarkan kajian ke atas 86 orang guru didapati hanya 84 sahaja yang menjawab soal selidik. Hasilnya didapati majoriti guru mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 5 tahun yang melibatkan seramai 57 orang guru (67.9%). Manakala bakinya seramai 27 orang

(32.1%) mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 5 tahun. Jadual 7 di sebelah menunjukkan pernyataan tersebut.

Jadual 7 : Bilangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar

| Pengalaman Mengajar | Bilangan | Peratus |
|----------------------------|-----------------|----------------|
| 1 - 5 tahun | 57 | 67.8 |
| 6 - 10 tahun | 19 | 22.6 |
| 11 - 15 tahun | 4 | 4.8 |
| Lebih 16 tahun | 4 | 4.8 |
| Total | 84 | 100.0 |

Sebilangan besar responden menerima gaji bulanan yang boleh dikatakan rendah iaitu antara RM 500 hingga RM 1000 yang melibatkan seramai 61 orang guru (71.8%). Seramai 20 orang guru (23.4%) menerima gaji bulanan antara RM 1000 hingga RM 1500. Manakala bakinya 4 orang guru (4.8%) sahaja yang memperolehi gaji bulanan RM1500 ke atas. Taburan responden mengikut gaji bulanan yang diterima seperti ditunjukkan dalam *jadual 8*.

Jadual 8 : Taburan Guru Mengikut Gaji Bulanan

| Gaji Bulanan | Bilangan | Peratus |
|---------------------|-----------------|----------------|
| RM 500 – 1000 | 61 | 71.8 |
| RM 1000 – 1500 | 20 | 23.4 |
| RM 1500 – 2000 | 2 | 2.4 |
| Lebih RM 2000 | 2 | 2.4 |
| Total | 85 | 100.0 |

Jadual 9 menunjukkan taburan responden mengikut jenis kebajikan yang disediakan oleh pihak institusi. Majoriti responden tidak mempunyai caruman KWSP dan Perkeso. Didapati 49 orang guru (57%) daripada jumlah keseluruhan 86 orang tidak mempunyai caruman KWSP manakala 75 orang guru (87.2%) tidak mempunyai caruman perkeso.

Jadual 9 : Kebajikan Yang Disediakan

| Kebajikan | KWSP | | Perkeso | |
|--------------|-----------|--------------|-----------|---------------|
| | Bilangan | Peratus | Bilangan | Peratus |
| Ada | 37 | 43.0 | 11 | 12.8 |
| Tiada | 49 | 57.0 | 75 | 87.2 |
| Total | 56 | 100.0 | 56 | 100.00 |

7.2 Demografi Pelajar

Bahagian ini membincangkan dan menghuraikan mengenai demografi pelajar bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai latar belakang pelajar. Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 400 orang pelajar.

Jadual 10 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Majoriti pelajar yang mengikuti bidang tahfiz adalah mereka yang telah menduduki ujian penilaian institusi rendah UPSR yang berumur antara 13 hingga 15 tahun iaitu melibatkan seramai 222 pelajar (55.5%) daripada jumlah keseluruhan 400 pelajar. Diikuti pelajar yang telah menduduki PMR iaitu pelajar yang berumur 16 hingga 17 tahun seramai 104 pelajar (26%). Pelajar yang paling sedikit yang mengikuti bidang tahfiz adalah mereka yang masih belajar di institusi rendah yang berumur kurang dari 12 tahun iaitu seramai 31 orang (7.8%).

Jadual 10 : Taburan Responden Mengikut Umur

| Umur | Bilangan | Peratus |
|-----------------|------------|--------------|
| Kurang 12 tahun | 31 | 7.8 |
| 13 - 15 tahun | 222 | 55.4 |
| 16 - 17 tahun | 104 | 26.0 |
| Lebih 18 tahun | 43 | 10.8 |
| Total | 400 | 100.0 |

Taburan responden mengikut jantina adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 11. Responden yang dipilih terdiri daripada pelajar perempuan dan lelaki. Seramai 321 pelajar (80.2%) adalah responden lelaki dan bakinya 79 pelajar (19.8%) adalah responden perempuan.

Jadual 11 : Taburan Responden Mengikut Jantina

| Jantina | Bilangan | Peratus |
|----------------|-----------------|----------------|
| Lelaki | 321 | 80.2 |
| Perempuan | 79 | 19.8 |
| Total | 400 | 100.0 |

Jadual 12 pula menunjukkan taburan responden mengikut negeri asal. Responden yang paling ramai terlibat dalam kajian ini adalah pelajar tempatan yang berasal dari Selangor iaitu seramai 281 pelajar (70.4%). Seramai 118 pelajar (29.6%) merupakan pelajar dari luar Selangor iaitu seramai 98 pelajar (24.6%) dan bakinya 20 pelajar (5%) adalah pelajar yang berasal dari luar Negara.

Jadual 12 : Taburan Responden Mengikut Negeri Asal

| Negeri Asal | Bilangan | Peratus |
|--------------------|-----------------|----------------|
| Selangor | 281 | 70.4 |
| Luar Selangor | 98 | 24.6 |
| Luar Negara | 20 | 5.0 |
| Total | 399 | 100.0 |

Umumnya dapat dinyatakan daripada hasil analisis bahawa ibu/bapa pelajar di institusi tahfiz persendirian di Selangor yang bekerja sendiri menunjukkan bilangan yang paling tinggi iaitu melibatkan seramai 180 orang (45.6%), diikuti oleh ibu/bapa pelajar yang berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan seramai 123 orang (31%) dan bakinya 93 orang (23.4%) adalah bekerja dalam sektor swasta. *Jadual 13* menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan ibu/bapa.

Jadual 13 : Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu/Bapa

| Pekerjaan Ibu / bapa | Bilangan | Peratus |
|-----------------------------|-----------------|----------------|
| Kerajaan | 123 | 31.0 |
| Swasta | 93 | 23.4 |
| Sendiri | 181 | 45.6 |
| Total | 397 | 100.0 |

Jadual 14 menunjukkan taburan responden mengikut dorongan untuk belajar tahfiz. Majoriti pelajar yang mengikuti bidang tahfiz adalah atas dorongan ibu/bapa yang melibatkan seramai 251 pelajar (56.3%). Diikuti oleh kehendak atau pilihan sendiri untuk menceburi bidang tahfiz seramai 156 pelajar (35%). Seramai 19 pelajar (4.3%) menceburi bidang tahfiz atas dorongan guru, 14 pelajar (3.1%) atas dorongan kawan dan lain-lain dorongan seperti terpaksa, disebabkan bapa saudara, atuk dan nenek, abang serta penjaga merupakan pilihan paling sedikit yang melibatkan 6 pelajar (1.3%).

Jadual 14 : Taburan Responden Mengikut Dorongan Untuk Belajar Tahfiz

| Dorongan untuk belajar Tahfiz | Bilangan | Peratus |
|--------------------------------------|-----------------|----------------|
| Ibu bapa | 251 | 56.3 |
| Kawan | 14 | 3.1 |
| Guru | 19 | 4.3 |
| Sendiri | 156 | 35.0 |
| Lain-lain terpaksa | 1 | 0.2 |
| Lain-lain bapa saudara | 1 | 0.2 |
| Lain-lain - atuk dan nenek | 2 | 0.4 |
| Lain-lain – abang | 1 | 0.2 |
| Lain-lain – penjaga | 1 | 0.2 |
| Total | 446 | 100.00 |

7.3 Demografi Institusi

Bahagian ini membincangkan mengenai demografi institusi bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai latar belakang institusi. 27 orang mudir terlibat sebagai responden bagi menjawab mengenai demografi institusi.

Jadual 15 menunjukkan bilangan institusi tahfiz persendirian di Selangor mengikut tempoh penubuhan. Institusi tahfiz persendirian di Selangor yang ditubuhkan antara 1 hingga 5 tahun melibatkan sebanyak 4 buah institusi tahfiz persendirian (14.8%) daripada 27 sampel kajian. Sebanyak 9 buah institusi tahfiz persendirian (33.4%) ditubuhkan antara 6 hingga 10 tahun. Selebihnya terdapat 14 buah institusi tahfiz persendirian (51.8%) telah bertapak di negeri Selangor lebih daripada 11 tahun.

Jadual 15 : Taburan Institusi Tahfiz Persendirian Mengikut Tempoh Penubuhan

| Tempoh Penubuhan | Bilangan | Peratus |
|------------------|-----------|--------------|
| 1 - 5 tahun | 4 | 14.8 |
| 6 - 10 tahun | 9 | 33.4 |
| 11 - 15 tahun | 7 | 25.9 |
| Lebih 16 tahun | 7 | 25.9 |
| Total | 27 | 100.0 |

Institusi tahfiz persendirian yang ditubuhkan tidak hanya tertumpu kepada pendidikan tahfiz sahaja malahan ada yang menawarkan tahfiz berserta akademik dan tahfiz berserta fardhu ain. Taburan institusi tahfiz persendirian mengikut bentuk pengajian yang ditawarkan di institusi tahfiz persendirian seperti yang ditunjukkan dalam *jadual 16* Kebanyakan bentuk pengajian yang ditawarkan adalah pendidikan tahfiz dan fardhu ain yang melibatkan 18 buah institusi (58%). Sementara institusi tahfiz persendirian yang menawarkan pendidikan tahfiz dan akademik sebanyak 11 buah (35.5%) dan sebilangan kecil sahaja yang bentuk pengajiannya tertumpu kepada

pendidikan tahfiz semata-mata yang melibatkan 2 buah institusi (6.5%) sahaja.

Jadual 16 : Taburan Institusi Tahfiz Persendirian Mengikut Bentuk Pengajian Yang Ditawarkan

| Bentuk Pengajian | Bilangan | Peratus |
|-------------------------|-----------------|----------------|
| Tahfiz sahaja | 2 | 6.5 |
| Tahfiz dan akademik | 11 | 35.5 |
| Tahfiz dan fardhu ain | 18 | 58.0 |
| Total | 31 | 100.0 |

Sumbangan terbesar kepada dana pembinaan institusi adalah daripada derma individu/orang ramai iaitu melibatkan 19 buah institusi (42.2%) daripada sampel kajian. Diikuti oleh pemilik institusi sendiri yang mengeluarkan modal sebagai dana pembinaan institusi iaitu melibatkan sebanyak 13 buah institusi (28.9%). Terdapat 8 buah institusi (17.7%) menyatakan sumber pembinaan institusi diwakafkan oleh individu/pihak tertentu sementara 5 buah institusi (11.2%) mendapat bantuan daripada organisasi tertentu. Taburan institusi tahfiz persendirian mengikut sumber pembinaan institusi ditunjukkan dalam *jadual 17*.

Jadual 17 : Taburan Institusi Tahfiz Persendirian Mengikut Sumber Pembinaan Institusi

| Sumber Pembinaan Sekolah | Bilangan | Peratus |
|---------------------------------|-----------------|----------------|
| Sendiri | 13 | 28.9 |
| Derma individu / orang ramai | 19 | 42.2 |
| Waqaf | 8 | 17.7 |
| Bantuan organisasi | 5 | 11.1 |
| Total | 45 | 100.0 |

Sumber pengurusan institusi di kebanyakan institusi banyak bergantung kepada yuran pelajar yang mana melibatkan 24 buah institusi (55.8%), diikuti oleh derma orang ramai di 14 buah institusi

(32.6%) dan sebilangan kecil sahaja yang melibatkan bantuan daripada organisasi iaitu 5 buah institusi (11.6%). Taburan institusi tahfiz persendirian mengikut sumber pengurusan institusi ditunjukkan dalam *jadual 18*.

Jadual 18 : Taburan Institusi Tahfiz Persendirian Mengikut Sumber Pembinaan Institusi

| Sumber Pengurusan Sekolah | Bilangan | Peratus |
|-------------------------------------|-----------------|----------------|
| Yuran pelajar | 24 | 55.8 |
| Derma orang ramai | 14 | 32.6 |
| Bantuan organisasi - Yayasan Ijmail | 1 | 2.3 |
| Bantuan organisasi – MAIS | 1 | 2.3 |
| Bantuan organisasi | 3 | 7.0 |
| Total | 43 | 100.0 |

Jadual 19 menunjukkan taburan institusi tahfiz persendirian mengikut jenis sijil yang dikeluarkan. Hampir semua sampel kajian yang terlibat mengeluarkan sijil tahfiz kepada pelajar iaitu melibatkan 25 buah institusi (89.2%). Sebuah institusi (3.6%) mengeluarkan diploma tahfiz yang merupakan peringkat pendidikan tahfiz yang tertinggi ditawarkan di Selangor dan sebuah institusi (3.6%) tidak mengeluarkan sijil.

Jadual 19 : Taburan Institusi Tahfiz Persendirian Mengikut Sijil Yang Dikeluarkan

| Sijil Yang Dikeluarkan | Bilangan | Peratus |
|-------------------------------|-----------------|----------------|
| Sijil tahfiz | 25 | 89.2 |
| Diploma tahfiz | 1 | 3.6 |
| Ijazah tahfiz | 1 | 3.6 |
| Tiada sijil | 1 | 3.6 |
| Total | 28 | 100.0 |

Taburan institusi tahfiz persendirian mengikut syarat kemasukkan pelajar ke institusi tahfiz ditunjukkan dalam *jadual 20*. Kebanyakan institusi mengenakan syarat kemasukan selepas pelajar menamatkan pengajian darjah 6 atau dengan kata lain selepas menduduki UPSR iaitu di 18 buah institusi (58.8%). Diikuti oleh pelajar yang berumur 12 tahun kebawah iaitu 6 buah institusi (19.4%). Terdapat 4 buah institusi (12.9%) tidak mengenakan syarat kemasukan. Sementara 2 buah institusi (6.5%) mengenakan syarat kemasukkan pelajar selepas tingkatan 3. Manakala syarat kemasukan selepas tingkatan 5 atau selepas menduduki SPM mencatatkan bilangan paling sedikit iaitu di sebuah institusi (3.2%).

Jadual 20 : Taburan Institusi Tahfiz Persendirian Mengikut Syarat Kemasukkan Pelajar

| Syarat Kemasukan Pelajar | Bilangan | Peratus |
|---------------------------|-----------|--------------|
| Tiada syarat | 4 | 12.9 |
| Bawah 12 tahun | 6 | 19.4 |
| Selepas darjah 6 (UPSR) | 18 | 58.0 |
| Selepas tingkatan 3 (PMR) | 2 | 6.5 |
| Selepas tingkatan 5 (SPM) | 1 | 3.2 |
| Total | 31 | 100.0 |

Kebanyakan sampel kajian yang terlibat mempunyai bilangan pelajar melebihi 50 orang iaitu melibatkan 16 buah institusi (59.3%). Diikuti oleh institusi yang mempunyai bilangan pelajar antara 31 hingga 50 yang melibatkan 5 buah institusi (18.5%). Sementara 3 buah institusi (11.1%) melibatkan bilangan pelajar antara 21 hingga 30 orang. Bakinya 2 buah institusi (7.4%) mempunyai bilangan pelajar antara 11 hingga 20 orang dan sebuah institusi (3.7%) yang

mencatatkan bilangan paling sedikit mempunyai bilangan pelajar kurang dari 10 orang. *Jadual 21* menunjukkan taburan kekerapan institusi mengikut bilangan pelajar.

Jadual 21 : Taburan Kekerapan Institusi Tahfiz Persendirian Mengikut Bilangan Pelajar

| Bilangan Pelajar | Bilangan | Peratus |
|------------------|-----------|--------------|
| Kurang 10 orang | 1 | 3.7 |
| 11 - 20 orang | 2 | 7.4 |
| 21 - 30 orang | 3 | 11.1 |
| 31 - 50 orang | 5 | 18.5 |
| Lebih 50 orang | 16 | 59.3 |
| Total | 27 | 100.0 |

7.3.1 Kemudahan Infrastruktur Institusi Dan Asrama

Bahagian ini memperihalkan kekerapan institusi yang menyediakan kemudahan infrastruktur institusi dan asrama seperti yang disenaraikan dalam soal selidik dan borang pemerhatian mengikut pandangan guru, pelajar dan mudir/pengurus dan tinjauan pemerhatian oleh penyelidik. Skor min juga digunakan untuk menggambarkan kepuasan responden terhadap kemudahan yang disediakan di institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor. Sampel kajian melibatkan 86 orang guru, 400 orang pelajar, 27 orang mudir dan tinjauan pemerhatian di 27 buah institusi tahfiz persendirian di Selangor.

7.3.1.1 Guru

Hasil analisis yang diperolehi mendapati secara keseluruhannya kebanyakan institusi menyediakan kemudahan asas yang diperlukan. Lebih daripada 90% institusi menyediakan kemudahan kelas (96.5%), pejabat pentadbiran (90.7%), tandas institusi (98.8%), surau (93%), kemudahan air (100%) dan kemudahan elektrik (98.8%). Kemudahan infrastruktur yang begitu ketara yang tidak dapat disediakan oleh

kebanyakan institusi adalah kemudahan komputer (67.4%) dan kemudahan padang permainan (75.5%). *Jadual 22* menunjukkan bilangan institusi yang menyediakan kemudahan infrastruktur institusi.

Jadual 22 : Taburan Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Pandangan Guru

| Kemudahan Infrastruktur Sekolah | Ad a | Peratus Ada | Tiad a | Jumlah |
|--|-------------|--------------------|---------------|---------------|
| Kelas | 83 | 96.5 | 3 | 86 |
| Pejabat pentadbiran | 78 | 90.7 | 8 | 86 |
| Bilik guru | 71 | 82.6 | 15 | 86 |
| Tandas sekolah | 85 | 98.8 | 1 | 86 |
| Surau | 80 | 93.0 | 6 | 86 |
| Padang permainan | 65 | 75.6 | 21 | 86 |
| Kemudahan komputer | 58 | 67.4 | 28 | 86 |
| Kemudahan air | 86 | 100.0 | 0 | 86 |
| Kemudahan elektrik | 85 | 98.8 | 1 | 86 |
| kemudahan telefon / faksimili | 75 | 87.2 | 1 | 86 |

Daripada hasil analisis didapati hampir semua institusi menyediakan kemudahan asrama seperti kemudahan bilik air / tandas (93%), kemudahan air (94.2%) dan kemudahan elektrik (94.2%). Namun begitu terdapat sebilangan kecil institusi yang masih tidak menyediakan kemudahan asas tersebut. *Jadual 23* menunjukkan bilangan institusi mengikut kemudahan asrama yang disediakan secara terperinci.

Jadual 23 : Taburan Kemudahan Infrastruktur Asrama Mengikut Pandangan Guru

| Kemudahan Infrastruktur Asrama | Ad a | Peratus Ada | Tiad a | Jumlah |
|---------------------------------------|-------------|--------------------|---------------|---------------|
| bilik makan | 71 | 82.6 | 15 | 86 |
| Kemudahan bilik air / tandas | 80 | 93.0 | 6 | 86 |
| kelengkapan asrama | 72 | 83.7 | 14 | 86 |
| Kemudahan air | 81 | 94.2 | 5 | 86 |
| Kemudahan elekterik | 81 | 94.2 | 5 | 86 |

Jadual 24 menunjukkan keseluruhan soal selidik guru terhadap kemudahan infrastruktur institusi berada pada tahap tinggi kepada keperluan-keperluan asas seperti kemudahan kelas (min 3.82), pejabat pentadbiran (min 3.78), bilik guru (min 3.72), surau (min 3.95), kemudahan komputer (min 3.73), kemudahan air (min 3.99), kemudahan elektrik (min 4.03) dan kemudahan telefon/faksimili (min 3.85) walaupun kemudahan padang permainan berada pada tahap sederhana (min 3.38).

Jadual 24 : Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Pandangan Guru

| Kemudahan infrastruktur institusi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | min |
|--|----------|----------|----------|----------|----------|------------|
| Kelas | 0.0 | 7.2 | 15.7 | 65.1 | 12.0 | 3.82 |
| Pejabat pentadbiran | 0.0 | 9.0 | 17.9 | 59.0 | 14.1 | 3.78 |
| Bilik guru | 2.8 | 7.0 | 18.3 | 59.2 | 12.7 | 3.72 |
| Tandas institusi | 0.0 | 8.2 | 27.1 | 52.9 | 11.8 | 3.68 |
| Surau | 1.3 | 5.0 | 13.8 | 57.5 | 22.5 | 3.95 |
| Padang permainan | 0.0 | 13.6 | 40.9 | 39.4 | 6.1 | 3.38 |
| Kemudahan komputer | 0.0 | 5.4 | 28.6 | 53.6 | 12.5 | 3.73 |
| Kemudahan air | 0.0 | 4.7 | 11.6 | 64.0 | 19.8 | 3.99 |
| Kemudahan elektrik | 0.0 | 4.7 | 8.1 | 66.3 | 20.9 | 4.03 |
| Kemudahan telefon / faksimili | 0.0 | 6.7 | 12.0 | 70.7 | 10.7 | 3.85 |

Jadual 25 menunjukkan keseluruhan soal selidik guru terhadap kemudahan infrastruktur asrama berada pada tahap tinggi kepada keperluan-keperluan asas seperti kemudahan bilik makan (min 3.71), kemudahan bilik air/tandas (min 3.72), kelengkapan asrama (min 3.82), kemudahan air (min 3.99) dan kemudahan elektrik (min 4.01).

Jadual 25 : Kemudahan Infrastruktur Asrama Mengikut Pandangan Guru

| Kemudahan infrastruktur asrama | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | Min |
|---------------------------------------|----------|----------|----------|----------|----------|------------|
| Bilik makan | 2.9 | 7.1 | 18.6 | 58.6 | 12.9 | 3.71 |
| Kemudahan bilik air / tandas | 1.2 | 7.4 | 22.2 | 56.8 | 12.3 | 3.72 |
| Kelengkapan asrama | 0.0 | 5.6 | 19.7 | 62.0 | 12.7 | 3.82 |
| Kemudahan air | 0.0 | 6.2 | 8.6 | 65.4 | 19.8 | 3.99 |
| Kemudahan elektrik | 0.0 | 4.9 | 7.4 | 69.1 | 18.5 | 4.01 |

7.3.1.2 Pelajar

Jadual 26 menunjukkan bilangan institusi tahfiz persendirian mengikut kemudahan infrastruktur institusi yang disediakan oleh pihak institusi. Didapati kemudahan yang paling dititikberatkan oleh pihak institusi adalah kemudahan air (99.8%), diikuti oleh kemudahan elektrik (99.5%), tandas institusi (98%), kelas (95%), surau (92.8%), pejabat pentadbiran (86.6%), bilik guru (80.8%) dan kemudahan padang permainan (80%). Kemudahan yang paling ketara kurang disediakan di kebanyakan institusi adalah kemudahan komputer (23.5%), diikuti oleh kemudahan telefon/faksimili (66.3%).

Jadual 26 : Taburan Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Pandangan Pelajar

| Kemudahan Infrastruktur Sekolah | Ada | Peratus Ada | Tiada | Jumlah |
|--|------------|--------------------|--------------|---------------|
| Kelas | 380 | 95.0 | 20 | 400 |
| pejabat pentadbiran | 347 | 86.8 | 53 | 400 |
| bilik guru | 323 | 80.8 | 77 | 400 |
| tandas sekolah | 392 | 98.0 | 8 | 400 |
| Surau | 371 | 92.8 | 29 | 400 |
| padang permainan | 320 | 80.0 | 80 | 400 |
| Kemudahan komputer | 94 | 23.5 | 306 | 400 |
| Kemudahan air | 399 | 99.8 | 1 | 400 |

| Kemudahan Infrastruktur Sekolah | Ada | Peratus Ada | Tiada | Jumlah |
|--|------------|--------------------|--------------|---------------|
| Kemudahan elektrik | 398 | 99.5 | 2 | 400 |
| Kemudahan telefon / faksimili | 265 | 66.3 | 135 | 400 |

Semua kemudahan infrastruktur yang disediakan di asrama mempunyai peratus bilangan institusi yang menyediakan kemudahan ini yang tinggi. Kemudahan elektrik (93.3%) paling diutamakan, diikuti oleh kemudahan air (90.5%), kelengkapan asrama (90%), kemudahan bilik air/tandas (89%) dan bilik makan (82.5%). Bilangan institusi mengikut kemudahan infrastruktur asrama ditunjukkan dalam *jadual 27*.

Jadual 27 : Taburan Kemudahan Infrastruktur Asrama Mengikut Pandangan Pelajar

| Kemudahan Infrastruktur Asrama | Ad a | Peratus Ada | Tiad a | Jumla h |
|---------------------------------------|-----------------|------------------------|-------------------|--------------------|
| bilik makan | 330 | 82.5 | 70 | 400 |
| Kemudahan bilik air / tandas | 356 | 89.0 | 44 | 400 |
| kelengkapan asrama | 360 | 90.0 | 40 | 400 |
| Kemudahan air | 362 | 90.5 | 38 | 400 |
| Kemudahan elekterik | 373 | 93.3 | 27 | 400 |

Jadual 28 menunjukkan keseluruhan soal selidik pelajar terhadap kemudahan infrastruktur institusi berada pada tahap tinggi kepada keperluan-keperluan asas seperti kemudahan kelas (min 3.93), pejabat pentadbiran (min 4.00), surau (min 4.16), kemudahan air (min 3.89), kemudahan elektrik (min 4.10). walau bagaimanapun prasarana-prasarana lain berada pada tahap sederhana seperti tandas institusi (min 3.38), padang permainan (min 3.40), kemudahan komputer (min 3.57) dan kemudahan telefon/faksimili (min 3.61).

Jadual 28 : Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Pandangan Pelajar

| Kemudahan infrastruktur institusi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | min |
|--|----------|----------|----------|----------|----------|------------|
| Kelas | 1.1 | 2.9 | 21.6 | 51.1 | 23.4 | 3.93 |
| Pejabat pentadbiran | 1.2 | 1.4 | 17.6 | 55.5 | 24.3 | 4.00 |
| Bilik guru | 0.6 | 2.8 | 15.4 | 59.6 | 21.6 | 3.99 |
| Tandas institusi | 5.4 | 12.2 | 43.1 | 27.8 | 11.5 | 3.38 |
| Surau | 0.5 | 4.3 | 13.5 | 41.6 | 40.0 | 4.16 |
| Padang permainan | 6.2 | 15.3 | 28.3 | 32.7 | 17.4 | 3.40 |
| Kemudahan komputer | 3.2 | 11.7 | 29.8 | 35.1 | 20.2 | 3.57 |
| Kemudahan air | 0.0 | 5.0 | 22.8 | 50.1 | 22.1 | 3.89 |
| Kemudahan elektrik | 0.8 | 2.3 | 13.6 | 52.8 | 30.7 | 4.10 |
| Kemudahan telefon / faksimili | 4.5 | 8.9 | 29.0 | 36.4 | 21.2 | 3.61 |

Jadual 29 menunjukkan keseluruhan soal selidik pelajar terhadap kemudahan infrastruktur asrama berada pada tahap sederhana kepada keperluan-keperluan asas seperti kemudahan bilik makan (min 3.66), kemudahan bilik air/tandas (min 3.43), walaupun prasarana-prasana lain berada pada tahap tinggi seperti kelengkapan asrama (min 3.77), kemudahan air (min 3.90) dan kemudahan elektrik (min 4.10).

Jadual 29 : Kemudahan Infrastruktur Asrama Mengikut Pandangan Pelajar

| Kemudahan infrastruktur asrama | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | min |
|---------------------------------------|----------|----------|----------|----------|----------|------------|
| Bilik makan | 1.8 | 6.9 | 30.8 | 44.1 | 16.3 | 3.66 |
| Kemudahan bilik air / tandas | 4.5 | 10.9 | 35.3 | 35.6 | 13.7 | 3.43 |
| Kelengkapan asrama | 1.9 | 7.8 | 21.7 | 48.6 | 20.0 | 3.77 |
| Kemudahan air | 0.6 | 4.4 | 22.7 | 49.7 | 22.7 | 3.90 |
| Kemudahan elektrik | 0.5 | 3.0 | 13.2 | 52.2 | 31.2 | 4.10 |

7.3.1.3 Mudir / Pengurus

Hasil analisis daripada soalselidik mudir, didapati kemudahan air dan elektrik disediakan di institusi bagi semua institusi tahfiz persendirian yang terlibat sebagai sampel kajian. Peratusan bilangan institusi yang menyediakan kemudahan kelas (96.3%), pejabat pentadbiran (96.3%), bilik guru (85.2%), tandas institusi (96.3%), surau (85.2%) dan kemudahan telefon/faksimili (85.2%) adalah tinggi kecuali bagi kemudahan padang permainan (70.4%) dan kemudahan komputer (59.3%) yang kurang diberi perhatian oleh pihak institusi. Peratus institusi tahfiz persendirian mengikut kemudahan infrastruktur institusi yang disediakan ditunjukkan dalam Jadual 30.

Jadual 30 : Taburan Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Pandangan Mudir/Pengurus

| Kemudahan Infrastruktur Sekolah | Ada | Peratus Ada | Tiada | Jumlah |
|--|------------|--------------------|--------------|---------------|
| Kelas | 26 | 96.3 | 1 | 27 |
| pejabat pentadbiran | 26 | 96.3 | 1 | 27 |
| bilik guru | 23 | 85.2 | 4 | 27 |
| tandas sekolah | 26 | 96.3 | 1 | 27 |
| Surau | 23 | 85.2 | 4 | 27 |
| padang permainan | 19 | 70.4 | 8 | 27 |
| kemudahan computer | 16 | 59.3 | 11 | 27 |
| kemudahan air | 27 | 100.0 | 0 | 27 |
| kemudahan elektrik | 27 | 100.0 | 0 | 27 |
| kemudahan telefon / faksimili | 23 | 85.2 | 4 | 27 |

Jadual 31 menunjukkan bilangan institusi tahfiz persendirian mengikut kemudahan infrastruktur asrama yang disediakan. Kemudahan infrastruktur asrama yang paling diberi perhatian oleh institusi adalah kemudahan air (96.3%) dan kemudahan elektrik (96.3%) diikuti oleh kemudahan bilik air/tandas (88.9%), kelengkapan asrama (85.2%) dan bilik makan (85.2%).

Jadual 31 : Taburan Kemudahan Infrastruktur Asrama Mengikut Pandangan Mudir/Pengurus

| Kemudahan Infrastruktur Asrama | Ada | Peratus | | Jum. |
|--------------------------------|-----|---------|-------|------|
| | | Ada | Tiada | |
| bilik makan | 23 | 85.2 | 4 | 27 |
| kemudahan bilik air / tandas | 24 | 88.9 | 3 | 27 |
| kelengkapan asrama | 23 | 85.2 | 4 | 27 |
| kemudahan air | 26 | 96.3 | 1 | 27 |
| kemudahan elekterik | 26 | 96.3 | 1 | 27 |

Jadual 32 menunjukkan keseluruhan soal selidik guru terhadap kemudahan infrastruktur institusi berada pada tahap tinggi kepada keperluan-keperluan asas seperti kemudahan pejabat pentadbiran (min 3.3.69), surau (min 4.00), kemudahan air (min 3.93), kemudahan elektrik (min 4.04) dan kemudahan telefon/faksimili (min3.91) tetapi prasarana-prasana lain berada pada tahap sederhana seperti kemudahan kelas (min 3.46), bilik guru (min 3.52), tandas institusi (min 3.50), padang permainan (min .58) dan kemudahan komputer (min 3.50).

Jadual 32 : Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Pandangan Mudir/Pengurus

| Kemudahan infrastruktur institusi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | min |
|-----------------------------------|-----|------|------|------|------|------|
| Kelas | 0.0 | 7.7 | 42.3 | 46.2 | 3.8 | 3.46 |
| Pejabat pentadbiran | 3.8 | 7.7 | 15.4 | 61.5 | 11.5 | 3.69 |
| Bilik guru | 0.0 | 13.0 | 26.1 | 56.5 | 4.3 | 3.52 |
| Tandas institusi | 3.8 | 38.5 | 57.7 | 0.0 | 0.0 | 3.50 |
| Surau | 0.0 | 0.0 | 17.4 | 65.2 | 17.4 | 4.00 |
| Padang permainan | 0.0 | 42.1 | 57.9 | 0.0 | 0.0 | 3.58 |
| Kemudahan komputer | 0.0 | 50.0 | 50.0 | 0.0 | 0.0 | 3.50 |
| Kemudahan air | 0.0 | 0.0 | 18.5 | 70.4 | 11.1 | 3.93 |
| Kemudahan elektrik | 0.0 | 0.0 | 3.7 | 85.2 | 11.1 | 4.04 |
| Kemudahan telefon / faksimili | 0.0 | 0.0 | 13.0 | 82.6 | 4.3 | 3.91 |

Jadual 33 menunjukkan keseluruhan soal selidik mudir/pengurus terhadap kemudahan infrastruktur asrama berada pada tahap tinggi kepada keperluan-keperluan asas seperti kemudahan bilik air/tandas (min 3.67), kelengkapan asrama (min 3.70), kemudahan air (min 4.00), kemudahan elektrik (min 4.08) kecuali kemudahan bilik makan (min 3.65) berada pada tahap sederhana.

Jadual 33 : Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Pandangan Mudir/Pengurus

| Kemudahan infrastruktur asrama | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | min |
|---------------------------------------|----------|----------|----------|----------|----------|------------|
| Bilik makan | 0.0 | 0.0 | 34.8 | 65.2 | 0.0 | 3.65 |
| Kemudahan bilik air / tandas | 0.0 | 0.0 | 33.3 | 66.7 | 0.0 | 3.67 |
| Kelengkapan asrama | 0.0 | 4.3 | 26.1 | 65.2 | 4.3 | 3.70 |
| Kemudahan air | 0.0 | 3.8 | 7.7 | 73.1 | 15.4 | 4.00 |
| Kemudahan elekterik | 3.8 | 0.0 | 0.0 | 76.9 | 19.2 | 4.08 |

7.4 Temubual

Temubual bersama mudir/pengurus dijalankan bagi mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh institusi tahfiz persendirian dan cadangan untuk mengatasi permasalahan tersebut. Ia melibatkan Sembilan orang mudir/pengurus yang mewakili sebuah institusi tahfiz persendirian bagi sembilan daerah di Selangor. Berdasarkan analisis dari temubual yang telah dijalankan, beberapa permasalahan telah dikenalpasti. Ia merangkumi aspek pendaftaran, bantuan kewangan, guru, pelajar, prasarana, prosedur pengajaran dan kaedah pembelajaran.

1) Pendaftaran

Terdapat dua badan yang terlibat dalam mentadbir urus institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor iaitu Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) dan Persatuan Institusi Tahfiz Negeri Selangor (PITAS). Berdasarkan analisis temubual yang telah dijalankan,

mendapati bahawa prosedur untuk mendapatkan sijil pendaftaran dan memperbaharui sijil pendaftaran JAIS amat sukar. Ini menyebabkan terdapat beberapa institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor tidak didaftarkan atas beberapa alasan di antaranya dari segi prosedur, birokrasi dan sebagainya. Di antara cadangan yang disarankan ialah memohon pihak JAIS memudahkan prosedur pendaftaran serta mengurangkan birokrasi di kalangan mereka.

2) Guru

Guru merupakan nadi atau penggerak utama bagi memastikan kelangsungan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara efektif dan sistematik. Berdasarkan analisis temubual yang dijalankan mendapati kebanyakan institusi tahfiz persendirian kekurangan guru akademik menyebabkan akademik dimansuhkan dan pelajar mengambil alternatif mengikuti kelas tambahan di luar.

Permasalahan juga berlaku disebabkan guru-guru tahfiz yang diambil tidak memperolehi kelayakan dalam bidang pengajian tahfiz. Perkara ini berlaku disebabkan bayaran gaji yang diberikan terlalu rendah dan tidak setara dengan kelulusan dan kelayakan yang diperolehi. Di samping bayaran gaji tidak diberikan pada masa yang ditetapkan bergantung kepada faktor kewangan institusi tahfiz persendirian tersebut.

Di antara cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut ialah guru-guru yang telah dilantik perlu diberikan latihan untuk meningkatkan tahap dan kualiti pendidikan di kalangan mereka. Elaun atau gaji guru-guru di institusi tahfiz persendirian perlu dikaji semula. Pemberian elaun atau gaji yang berpatutan jelasnya sedikit sebanyak menyumbang kepada kualiti pendidikan dan pengajaran di samping memberikan motivasi dan galakan di kalangan mereka.

3) Kewangan

Hasil temubual yang dilakukan di kalangan pengurus atau mudir institusi tahfiz persendirian negeri Selangor mendapati kebanyakan institusi tahfiz persendirian berhadapan dengan masalah kewangan yang agak besar. Ini disebabkan sumber kewangan diperolehi dari yuran pelajar, derma orang ramai, sumbangan organisasi dan sebagainya. Di sini dapat dirumuskan, kebanyakan institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor tidak mendapat dana tetap dari pihak berwajib dan ini menimbulkan permasalahan dalam pengurusan institusi tahfiz persendirian berkenaan. Khususnya dalam menyediakan prasarana serta menampung perbelanjaan dan keperluan perinstitusian di institusi-institusi tersebut.

Di antara cadangan untuk mengatasi permasalahan tersebut, saranan kepada pihak berwajib seperti JAIS dan PITAS, memandang serius untuk memperuntukkan dana serta menambah peruntukan sedia ada kepada institusi tahfiz persendirian berkenaan. Perkara ini perlu bagi memastikan institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor dapat ditingkatkan dari segi kualitinya setanding dengan institusi-institusi pendidikan lain di negeri Selangor.

4) Prasarana dan Infrastruktur

Prasarana merujuk kepada kemudahan-kemudahan asas membantu bagi memudahkan sistem pengurusan di mana-mana istitusi. Berdasarkan kepada temubual yang dijalankan, kebanyakan institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor berhadapan dengan permasalahan utama khususnya premis yang tidak kondusif. Di dapati terdapat institusi yang menumpang di masjid, surau, perumahan dan sebagainya. Terdapat juga institusi tahfiz persendirian yang tidak mendapat kemudahan asas seperti bekalan air. Di antara cadangan mengatasi permasalahan tersebut ialah saranan kepada pihak berwajib seperti JAIS dapat memberi sumbangan secara konsisten di samping pihak institusi sendiri mencari alternatif mendapatkan dana serta sumbangan

pihak-pihak tertentu seperti badan korporat, individu perseorangan dan sebagainya.

5) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.

Berdasarkan analisis temubual yang dijalankan. Terdapat beberapa masalah yang dikenalpasti berhubung pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor. Faktor guru-guru yang tidak bertauliah serta tidak mempunyai latar belakang akademik secara tidak langsung menyebabkan sistem pendidikan di institusi tahfiz persendirian tidak dapat dijalankan secara bersepadu. Terdapat institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor memberi penekanan dan pengkhususan dalam bidang hafazan al-Quran semata-mata serta memansuhkan pendidikan yang berbentuk akademik di institusi mereka.

Terdapat juga institusi tahfiz persendirian yang memfokuskan hafazan dan menjadikan hafazan sebagai rutin harian dan dilaksanakan dari pagi hingga malam. Keadaan ini menyumbang kepada lahirnya golongan *huffaz* yang tidak berketerampilan dan tidak mempunyai jati diri serta identiti yang tidak relevan sebagai seorang *huffaz*. Dalam konteks ini, di antara cadangan yang diberikan ialah memilih guru-guru yang mempunyai latar belakang pendidikan tahfiz dan akademik serta menggalakkan para pelajar mengambil pendidikan akademik setelah menamatkan pengajian hafazan.

7.5 Pemerhatian

Jadual 34 dan *Jadual 35* menunjukkan dapatan keseluruhan pemerhatian pengkaji terhadap infrastruktur institusi dan asrama di institut tahfiz persendirian di negeri Selangor. Hasil pemerhatian didapati kebanyakan institusi menyediakan kemudahan dari aspek kemudahan elektrik (100%), kemudahan air (96.3%), tandas institusi (92.6%) dan pejabat pentadbiran (81.5%). Kemudahan yang kebanyakan masih tidak disediakan di beberapa institusi adalah

kemudahan komputer (40.7%), kemudahan telefon/faksimili (59.3%) dan kemudahan padang permainan (59.3%).

Jadual 34 : Taburan Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Tinjauan Pemerhatian

| Kemudahan Infrastruktur Sekolah | Peratus | | Jumlah |
|---------------------------------|---------|-------|--------|
| | Ada | Tiada | |
| Kelas | 21 | 77.8 | 27 |
| pejabat pentadbiran | 22 | 81.5 | 27 |
| bilik guru | 20 | 74.1 | 27 |
| tandas sekolah | 25 | 92.6 | 27 |
| Surau | 21 | 77.8 | 27 |
| padang permainan | 16 | 59.3 | 27 |
| kemudahan computer | 11 | 40.7 | 27 |
| kemudahan air | 26 | 96.3 | 27 |
| kemudahan elektrik | 27 | 100.0 | 27 |
| kemudahan telefon / faksimili | 16 | 59.3 | 27 |

Mengikut pemerhatian, penyelidik mendapati kemudahan infrastruktur asrama disediakan di kebanyakan institusi. Peratus bilangan institusi yang tinggi dicatatkan bagi aspek kemudahan bilik makan (81.5%), kemudahan bilik air/tandas (96.3%), kelengkapan asrama (88.9%), kemudahan air (92.6%) dan kemudahan elektrik (96.3%). *Jadual 36* menunjukkan pemerhatian terhadap kemudahan infrastruktur asrama.

Jadual 35 : Taburan Kemudahan Infrastruktur Asrama Mengikut Tinjauan Pemerhatian

| Kemudahan Infrastruktur Asrama | Peratus | | Jumlah |
|--------------------------------|---------|-------|--------|
| | Ada | Tiada | |
| bilik makan | 22 | 81.5 | 27 |
| kemudahan bilik air / tandas | 26 | 96.3 | 27 |
| kelengkapan asrama | 24 | 88.9 | 27 |
| kemudahan air | 25 | 92.6 | 27 |
| kemudahan elekterik | 26 | 96.3 | 27 |

Secara keseluruhannya, berdasarkan *jadual 36* menunjukkan kekerapan infrastruktur dan prasarana institusi tahfiz persendirian berada pada tahap yang sederhana tetapi dapatan kajian bagi penggunaan kemudahan air (min 3.88) dan elektrik (min 3.96) sahaja pada tahap min tertinggi. Manakala bagi kemudahan kelas (min 3.52), pejabat pentadbiran (min 3.57), bilik guru (min 3.47), tandas (min 3.46), surau (min 3.65), perkhidmatan telefon/faksimili (3.32), padang permainan (min 2.93) dan kemudahan komputer (min 2.67) berada pada tahap sederhana.

Jadual 36 : Kemudahan Infrastruktur Institusi Mengikut Tinjauan Pemerhatian

| Kemudahan infrastruktur institusi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | min |
|--|----------|----------|----------|----------|----------|------------|
| Kelas | 0.0 | 9.5 | 33.3 | 52.4 | 4.8 | 3.52 |
| Pejabat pentadbiran | 0.0 | 9.5 | 28.6 | 57.1 | 4.8 | 3.57 |
| Bilik guru | 0.0 | 10.5 | 31.6 | 57.9 | 0.0 | 3.47 |
| Tandas institusi | 0.0 | 8.3 | 37.5 | 54.2 | 0.0 | 3.46 |
| Surau | 0.0 | 10.0 | 20.0 | 65.0 | 5.0 | 3.65 |
| Padang permainan | 0.0 | 33.3 | 40.0 | 26.7 | 0.0 | 2.93 |
| Kemudahan computer | 16.7 | 16.7 | 50.0 | 16.7 | 0.0 | 2.67 |
| Kemudahan air | 0.0 | 4.0 | 12.0 | 76.0 | 8.0 | 3.88 |
| Kemudahan elektrik | 0.0 | 0.0 | 15.4 | 73.1 | 11.5 | 3.96 |
| Kemudahan telefon / faksimili | 0.0 | 10.5 | 52.6 | 31.6 | 5.3 | 3.32 |

Kemudahan infrastruktur asrama juga menunjukkan bahawa pada tahap yang sederhana iaitu antara min 3.52 hingga 3.43, bilik makan (min 3.43), kemudahan bilik air dan tandas (min 3.52) dan kelengkapan asrama (3.50). Manakala kemudahan air (min 3.83) dan elektrik (min 3.84) berada pada tahap yang memuaskan. *Jadual 37* menunjukkan menunjukkan skor min bagi kemudahan asrama.

Jadual 37 : Kemudahan Infrastruktur Asrama Mengikut Tinjauan Pemerhatian

| Kemudahan infrastruktur asrama | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | min |
|---------------------------------------|----------|----------|----------|----------|----------|------------|
| Bilik makan | 4.8 | 42.9 | 52.4 | 0.0 | 0.0 | 3.43 |
| Kemudahan bilik air / tandas | 0.0 | 4.0 | 40.0 | 56.0 | 0.0 | 3.52 |
| Kelengkapan asrama | 0.0 | 8.3 | 33.3 | 58.3 | 0.0 | 3.50 |
| Kemudahan air | 0.0 | 4.2 | 16.7 | 70.8 | 8.3 | 3.83 |
| Kemudahan elektrik | 0.0 | 4.0 | 20.0 | 64.0 | 12.0 | 3.84 |

8. CADANGAN

Dapatan-dapatan yang diperolehi dalam kajian ini telah menggambarkan situasi institusi-institusi tahfiz yang ada di negeri Selangor ini. Beberapa kekuatan yang ada dari aspek pengurusan perlu diteruskan dan ditambahbaik, namun segala kelemahan dan kekurangan perlu terus diperbaiki agar mutu pendidikan tahfiz dapat seiring dan bersaing dengan pendidikan Islam yang lain.

Sehubungan itu, beberapa cadangan akan dikemukakan agar kelemahan dan kekurangan yang ada akan segera diperbaiki. Cadangan-cadangan ini ditujukan kepada kerajaan negeri Selangor dan pihak institusi itu sendiri kerana kedua-dua pihak ini seharusnya bekerjasama menangani segala permasalahan yang berlaku.

8.1 Cadangan Kepada Kerajaan Negeri

- 1) Pihak berwajib perlu menyemak semula prosedur-prosedur untuk mendapatkan sijil pendaftaran dan memperbaharui sijil pendaftaran untuk memudahkan pihak institusi beroperasi dengan sempurna. Pihak berwajib juga perlu bersedia menerima sebarang laporan atau aduan dari pihak institusi.
- 2) Pihak berwajib perlu menubuhkan satu jabatan khas yang bertanggungjawab untuk menyediakan bantuan kewangan dan keperluan untuk penubuhan, memantau proses pelaksanaan

pengajaran dan pembelajaran bagi mengelakan dari berlakunya penyelewengan fahaman.

- 3) Pihak berwajib juga perlu membuat pemantauan dari semasa ke semasa terhadap kelayakan guru-guru dengan mengambil tauliah daripada JAIS.
- 4) Pihak berwajib perlu menyediakan program-program kursus, seminar dan bengkel yang berkala untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan, kemahiran, pengetahuan dan motivasi dalam bidang tahfiz.
- 5) Pihak yang berwajib seharusnya menyelaraskan kurikulum yang lebih sistematik dan integrasi antara akademik, tahfiz dan fardhu ain untuk meluaskan peluang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
- 6) Pihak yang berwajib seharusnya memperuntukkan satu dana atau modal yang khusus untuk menampung keseluruhan kos-kos yang berkaitan dengan bangunan, prasarana, infrastruktur dan sebagainya.
- 7) Pihak yang berwajib seharusnya mengeluarkan satu sijil yang standard daripada Jabatan Agama Islam Selangor dan mendapat pengiktirafan dari mana-mana Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam atau swasta.

8.2 Cadangan Kepada Pihak Institusi

- 1) Pihak institusi perlu memandang serius terhadap aspek pendaftaran institusi bagi memastikan proses pengurusan berjalan dengan lancar.

- 2) Pihak institusi perlu lebih prihatin terhadap kebajikan para pelajar terutama kemudahan-kemudahan asas seperti asrama, kelas, bilik air dan sebagainya.
- 3) Pihak institusi seharusnya mewujudkan perjawatan tetap bagi guru-guru tahfiz dengan mengutamakan guru-guru yang berasal dari Selangor.
- 4) Pihak institusi perlu menghantar guru-guru menghadiri program-program kursus, seminar dan bengkel yang berkala untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan, kemahiran, pengetahuan dan motivasi dalam bidang tahfiz.
- 5) Pihak institusi perlu mempertingkatkan kebajikan guru-guru tahfiz selaras dengan kelulusan dan kelayakan mereka seperti gaji, KWSP dan sebagainya.
- 6) Pihak institusi seharusnya menelaraskan syarat-syarat kelayakan masuk pelajar dari segi tahap umur, peringkat kelulusan pelajar dan sebagainya.
- 7) Pihak institusi perlu mempertingkatkan prasarana dan pengurusan institusi kerana permintaan terhadap pendidikan tahfiz sangat tinggi.
- 8) Pihak pengurusan institusi sebaiknya mewujudkan kelas khusus dan teratur serta mempunyai kelengkapan pengajaran dan pembelajaran yang sempurna.
- 9) Pihak institusi perlu mengambil tindakan yang sewajarnya dengan menyediakan kemudahan padang permainan institusi untuk meningkatkan tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan mental.
- 10) Pihak institusi perlu membuat penambahbaikan terhadap kemudahan infrastruktur asrama seperti bilik makan, bilik air dan tandas, kemudahan kelengkapan asrama, kemudahan air dan elektrik.

9. KESIMPULAN

Semua pihak perlu memainkan peranan dalam mempertingkatkan tahap pengurusan institusi tahfiz persendirian di Selangor terutama pihak kerajaan negeri, MAIS, JAIS, PITAS dan pihak institusi itu sendiri. Tanpa adanya kerjasama daripada pihak-pihak yang dimaksudkan, pengurusan dan taraf pendidikan tahfiz di negeri Selangor ini tidak akan dapat berkembang maju melebihi dari apa yang dilihat pada hari ini.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang telah dikenalpasti terutama dalam aspek kebajikan guru-guru dan pelajar dan kemudahan infrastruktur yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak ke arah memperkasakan pengajian tahfiz khususnya di negeri Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Hafiz Abdullah etl (2003), *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*. Laporan Penyelidikan UTM Skudai: Johor.
- Abdul Hafiz Abdullah etl (2005), *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Laporan Penyelidikan UTM Skudai: Johor.
- Abdul Halim Tamuri etl (2004), *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: UKM.
- Abdul Monir Yaacob (2009), *Mengenalpasti Model Institusi Tahfiz Yang Ideal*. Multaqa Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 3-5 Mac.
- Ahmad Atory Hussain (1996), *Pengurusan Organisasi*. Utusan Publications & Distributors: Kuala Lumpur.
- Angelo Kinicki and Brian K. Williams (2003), *Management: A Practical Introduction*. McGraw-Hill: New York.

- Azizi Yahaya etl (2003), *Permasalahan Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran Teknologi Kejuruteraan: Satu Tinjauan Di Institusi-Institusi Menengah Dalam Daerah Batang Padang, Perak Tengah Dan Hilir Perak*. National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore Bahru, 19-21 Oktober.
- Azman Ismail, Kamsiah Hasbullah, Rizal Abu Bakar dan Mohamed Hashim Othman (2007), *Kesan Pemindahan Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehan ke Atas Amalan Komunikasi Dalam Sistem Mentoring Di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 22.
- Gall, J.P., Gall, M.D. dan Borg, W.R. (2005), *Applying Educational Research a Practical Guide*. Boston: Allyn Bacon.
- Ghazali Darusalam (t.t), *Kesahan dan Kebolehppercayaan Dalam Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan, MPI Bangi.
- Jalal al-din Al-Suyuti(1987), *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*.Beirut:Dar Ibnu Kathir.
- James A. F. Stoner, R. Edward Freeman and Daniel R. Gilbert JR. (1995), 6th Ed, *Management*. Prentice Hall: New Jersey.
- Louis A.Allen(1958), *Management and Organisation*. McGraw-Hill: New York.
- Lue, L. P. Irene, Baharuddin Aris, Zaidatun Tasir (t.t), *Satu Kajian Rintis Tentang Pengesanan Aras Kemahiran Generik Yang Telah Dikuasai Oleh Pelajar Universiti Dalam Pembelajaran Aktif*. 1st International Malaysian Educational Technology Convention, UTM Skudai, Johor, Malaysia.
- Mahyuddin Ashaari (t.t). *Pendidikan Institusi Rendah, Menengah dan Tahfiz Abim:Rasional, Falsafah, Kurikulum dan Operasi*. Jurnal Pendidikan Islam.
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim (2008), *Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon*

Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: UPSI

Mohammad Tawfiq Ramadhan (2009), *Imbasan Pendidikan Tahfiz Dan Cadangan Penyelesaian*. Multaqa Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 3-5 Mac.

Othman Mohamed (2001), *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Social Terapan*. Serdang. Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

Rahim Abdullah (1994), *Asas Pengurusan*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur.

Robert Thannenbaum dan Warren H. Schmidt (1973), *How to Choose a Leadership Pattern*. Havard Business Review, 51 No.3 (Mei – Jun 1973)

Sidek Baba (2009), *Keperluan Pendidikan Tahfiz Secara Integriti*. Multaqa Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 3-5 Mac.

Wan Azmi Ramli (1996), *Pentadbiran Awam Malaysia*. Golden Book Centre Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

Wan Liz Ozman Wan Omar (1996), *Pengurusan Islam Abad Ke-2*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Yusoff Othman (2009), *Memperkasa Kualiti Dan Hala Tuju Graduan Tahfiz*. Multaqa Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 3-5 Mac.